

UCAPAN BAJET TAHUN 2008 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

1. PENDAHULUAN

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat saya membentangkan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Tahun 2008 pada pagi yang mulia ini. Bajet DBKL 2008 ini telah diluluskan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan pada 21 November 2007.

2. Tema Bajet 2008 adalah Bersama Memaju & Mensejahterakan Kuala Lumpur. Tema ini dipilih adalah untuk mencerminkan tanggungjawab membangunkan Kuala Lumpur merupakan tanggungjawab bersama semua pihak termasuk pihak kerajaan, DBKL, pihak swasta, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), warga kota dan para pelabur.

3. Wawasan DBKL adalah untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya bertaraf dunia. Ini adalah selaras dengan wawasan negara iaitu Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020.

4. Oleh itu, pembangunan Kuala Lumpur perlulah dilihat sebagai sebuah bandaraya yang mempunyai peranan di peringkat global dan sub-global. DBKL akan terus berusaha untuk mewujudkan persekitaran hidup, persekitaran kerja, persekitaran niaga dan urus tadbir yang berkualiti. Ini adalah penting untuk mempertingkatkan dan mengekalkan para pelabur nasional, pelabur antarabangsa, pekerja mahir, profesional tempatan serta asing supaya mereka bersama-sama memberi komitmen untuk membangunkan Kuala Lumpur.

5. Kuala Lumpur pada masa ini merupakan sebuah bandaraya yang sedang pesat membangun. Ini dapat dilihat daripada trend pelaburan dalam sektor hartanah yang terus meningkat iaitu daripada tahun 2005 sejumlah RM6.231 bilion dan pada tahun 2006 sejumlah RM25.02 bilion.

Sehingga 31 Oktober 2007, Kuala Lumpur telah menerima pelaburan dalam sektor hartanah berjumlah RM19.4 bilion. Pelaburan yang paling besar adalah dalam sektor hotel dan apartment iaitu RM11.6 bilion (59%) daripada jumlah pelaburan hartanah. Pelaburan ini bertujuan untuk pembinaan ruang lantai hotel dan apartment seluas 23.2 juta kaki persegi. Pelaburan dalam sektor kediaman adalah sejumlah RM5.2 bilion (26%), sektor pejabat RM2.4 bilion (12%) dan seterusnya sektor pusat membeli-belah RM 0.25 bilion (1%). Jumlah pelaburan ini dijangka akan terus meningkat sehingga penghujung Disember 2007.

6. Kuala Lumpur akan terus berkembang pesat di masa hadapan. Ini adalah selaras dengan 5 matlamat utama yang telah digariskan di dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 iaitu peranannya sebagai sebuah pusat komersil dan antarabangsa, mewujudkan bandar yang efisien, mempertingkatkan persekitarannya, membentuk identiti serta imej tersendiri serta mempunyai urus tadbir cekap dan berterusan.

7. Dalam membangunkan Kuala Lumpur, Kuala Lumpur juga harus dilihat dari segi perspektif global yang lebih luas khususnya di rantau Asia Pasifik. Pengalaman lain-lain bandaraya boleh dikongsi dalam sama-sama membantu mewujudkan persekitaran perbandaran yang mapan. Kuala Lumpur melalui gabungan Asian Network of Major Cities 21 (ANMC 21) telah bersetuju dengan Deklarasi Manila 2007 iaitu untuk melancarkan program pembangunan komuniti berbentuk 'Urbanidad'. Program ini bertujuan untuk membangunkan masyarakat bertanggungjawab dan berbudaya sesuai dengan aktiviti Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya bertaraf dunia.

8. Melalui Deklarasi Manila 2007, Kuala Lumpur juga telah bersetuju iaitu untuk menggalakkan pembinaan 'green building'. Ianya penting bagi tujuan untuk pemeliharaan alam sekitar yang mana ia akan mengurangkan kesan rumah hijau (greenhouse effects) dan seterusnya mengurangkan kadar peningkatan suhu di peringkat global (global warming).

9. Bagi tujuan ini, DBKL akan mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan pelbagai kemudahan infrastruktur, alam sekitar, pengurusan bandar, kemudahan kebudayaan, kemudahan sukan, sosial, kediaman dan kemasyarakatan dapat memenuhi impian atau harapan yang tinggi oleh kerajaan, penduduk, para pekerja, para pelabur dan masyarakat antarabangsa.

2. TEMA BAJET 2008

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

10. Bagi melaksanakan langkah-langkah yang telah direncanakan oleh DBKL, sejumlah RM 2.457 bilion telah diperuntukkan dalam bajet 2008 berbanding RM 2.364 bilion dalam tahun 2007. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM 93.352 juta bersamaan 3.93% berbanding tahun 2007.

11. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM 1.256 bilion bersamaan 51.10% adalah untuk bajet mengurus dan sebanyak RM 1.202 bilion bersamaan 48.90% adalah untuk tujuan bajet pembangunan.

3. PENYEDIAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR UNTUK MENJANAKAN EKONOMI BANDAR DAN MEMBERI KESELESAAN WARGA KOTA

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

12. Dalam usaha DBKL membangunkan ekonomi bandar, penyediaan kemudahan infrastruktur yang meliputi pelaksanaan projek pembinaan jalanraya, pembinaan jalanraya sambungan dan jejambat, mempertingkatkan persimpangan bertingkat dan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan masih lagi diberi keutamaan dalam Bajet 2008, di mana sejumlah RM501.9 juta iaitu bersamaan 41.7% diperuntukkan dalam bajet pembangunan.

13. Peruntukan ini disediakan bertujuan untuk mewujudkan sistem rangkaian jalanraya yang komprehensif dan efisien. Ianya berperanan untuk memudahkan penyuraian lalulintas dan pergerakan warga kota di antara pusat bandar dan kawasan pinggir bandar dan di antara bandaraya Kuala Lumpur dengan bandar-bandar sekitarnya.

14. Sepanjang tahun 2007, terdapat 6 rangkaian jalan sambungan dan jejambat yang telah disiapkan iaitu antaranya adalah persimpangan bertingkat Taman Segar ke Taman Taynton View, Cheras; persimpangan bertingkat Kampung Kerinchi/Lebuhraya Persekutuan, jalan keluar/masuk ke Taman Koperasi Polis dari Jalan Sentul dan persimpangan bertingkat ke Pasar Borong Selayang dari Lebuhraya Persekutuan 1.

15. Untuk tahun 2008, beberapa projek jalan sambungan dan jejambat akan dilaksanakan antaranya adalah seperti cadangan mempertingkatkan persimpangan bertingkat Jalan Ampang/Jalan Jelatek, mempertingkatkan Jalan Genting Kelang dan persimpangan Jalan Air Panas hingga ke persimpangan Jalan 1/27A dan mempertingkatkan Jalan Kepong Baru ke persimpangan Jalan Api-Api.

16. Pelaksanaan pelbagai projek dalam tahun 2008 ini adalah untuk melengkapkan rangkaian jalanraya di kawasan pinggir bandar yang meliputi kawasan antaranya di Cheras, Kepong, Bandar Tun Razak, Wangsa Maju dan Gombak. Penyediaan projek ini juga adalah bertujuan melengkapkan sistem rangkaian jalanraya yang sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Antaranya adalah seperti projek Lebuhraya Duta – Ulu Kelang (DUKE) dan Lebuhraya Bertingkat Putrajaya – Kuala Lumpur.

17. Di kawasan pusat bandar, tumpuan adalah lebih kepada kerja-kerja untuk mempertingkatkan persimpangan-persimpangan yang sediaada. Ini disebabkan oleh kawasan tanah yang terhad bagi tujuan untuk pengujudan rangkaian jalan-jalan baru di pusat bandar. Sebagai contohnya dalam tahun 2008, DBKL akan melaksanakan kerja-kerja pembinaan jejambat yang menyambungkan Jalan Dewan Bahasa ke Jalan Hang Tuah dan membina persimpangan bertingkat di persimpangan Jalan Pudu/Jalan Imbi/Jalan Hang Tuah.

18. Penyediaan infrastruktur seperti pembinaan jalanraya dan persimpangan bertingkat ini akan dapat memberi keselesaan dan kemudahsampaian kepada wargakota. Di samping itu, ia juga dapat menggalakkan pelabur untuk membuat pelaburan di Kuala Lumpur.

19. Penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang efisien dan komprehensif juga dapat meningkatkan nilai tanah semasa, menyemarak dan menggalakkan limpahan pembangunan terutama di kawasan-kawasan pinggir bandar, mengurangkan tekanan pembangunan di kawasan-kawasan pusat bandar dan secara tidak langsung meningkatkan taraf hidup sosio-ekonomi warga kota.

20. Kuala Lumpur pada awal Jun 2007 pernah dilanda banjir kilat yang agak besar. Masalah ini telah menarik perhatian YAB Perdana Menteri sendiri dan susulan daripada itu, YAB Perdana Menteri telah mengarahkan supaya projek "SMART Tunnel" yang dilaksanakan melalui Jabatan Pengairan & Saliran Wilayah Persekutuan (JPSWP) disiapkan segera. Pada masa ini projek "SMART Tunnel" telah pun siap dan beroperasi sepenuhnya. Projek ini telah banyak membantu dari segi penyelesaian masalah banjir kilat yang disebabkan oleh limpahan air Sg. Kelang.

21. Di samping itu, pihak kerajaan telah memberi peruntukan khas untuk menyelesaikan permasalahan banjir secara menyeluruh di Kuala Lumpur iaitu sejumlah RM160 juta. Dengan mengambilkira peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dan peruntukan oleh DBKL, secara keseluruhannya sejumlah RM174 juta telah diperuntukkan bagi tujuan antaranya untuk membina kolam takungan banjir, mempertingkatkan sistem perparitan serta melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan sungai-sungai dan parit-parit sediada. Pelbagai projek yang dicadangkan ini merupakan kesinambungan usaha DBKL serta agensi persekutuan iaitu Jabatan Pengairan & Saliran Wilayah Persekutuan untuk mengurangkan masalah banjir kilat di Kuala Lumpur.

22. Permasalahan banjir kilat ini tentu sekali menyukarkan pelbagai pihak dan menyebabkan kerugian berjuta ringgit kepada warga kota. Keadaan ini, sekiranya berpanjangan boleh menjejaskan imej Kuala Lumpur di kacamata khususnya pelabur-pelabur dari luar negara dan boleh memberi kesan negatif kepada iklim pelaburan negara.

23. Pada masa ini, DBKL telah menyiapkan 4 projek kolam takungan banjir iaitu seperti Kolam Takungan Banjir Kg. Boyan, Air Leleh, Sri Tioman dan Setapak Jaya. Dalam masa sama, Jabatan Pengairan & Saliran Wilayah Persekutuan sedang menyiapkan 2 projek kolam takungan banjir iaitu Kolam Takungan Banjir di Jinjang dan Batu.

24. Pada tahun 2008, DBKL akan menyiapkan sebuah kolam takungan banjir iaitu di Cheras Baru. Kerja-kerja pembinaan untuk 7 lagi kolam takungan banjir antaranya iaitu kolam di Ampang Hilir, Universiti Malaya dan Bandar Sri Permaisuri akan mula dilaksanakan pada tahun 2008. Di samping itu, DBKL akan melaksanakan projek pemulihan sungai (Kuala Lumpur River Rehabilitation) yang menelan belanja RM380 juta iaitu di Sg. Kelang dari Jalan Jelatek ke Masjid Jamek. Dengan siapnya pelbagai projek tebatan banjir yang dilaksanakan oleh DBKL dan Jabatan Pengairan & Saliran Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dijangka akan bebas daripada banjir pada tahun 2010.

25. Selaras dengan hasrat DBKL untuk mempertingkatkan penyediaan kemudahan rekreasi kepada warga kota, kolam takungan banjir yang sediada dan akan dibina akan dipelbagaikan peranannya bukan sahaja sebagai kolam untuk menyelesaikan masalah banjir tetapi juga sebagai tempat riadah dan rekreasi. Kolam-kolam takungan banjir ini akan dilengkapi dengan kemudahan rekreasi yang bersesuaian serta diperindahkan dengan ciri-ciri lanskap yang menarik.

26. Di samping itu, rezab-rezab sungai yang sediada akan juga dipelbagaikan peranannya bukan sahaja sebagai rezab sungai tetapi juga sebagai satu rangkaian rekreasi yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai untuk tujuan menjalankan pelbagai aktiviti rekreasi pasif. Sebagai contohnya projek pengindahan rezab sungai yang menggunakan konsep "MASMA" di tebing Sungai Midah, Jalan Sg. Besi dengan peruntukan RM2.5 juta akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan perabot lanskap dan lanskap lembut yang boleh digunakan sebagai tempat rekreasi dan riadah oleh warga kota.

27. Konsep Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya selamat akan terus diperkembangkan. Oleh itu, kemudahan CCTV di bawah kawalan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sediada yang berjumlah 57 buah akan ditambah lagi sebanyak 56 buah pada tahun 2008. Ini akan menjadikan jumlah CCTV di Kuala Lumpur di bawah kawalan PDRM sebanyak 113 buah. Peruntukan bagi penyediaan 56 buah CCTV ini pada tahun 2008 adalah RM4 juta. Ini tidak termasuk 52 buah CCTV untuk kawalan Trafik DBKL dan 220 buah CCTV di bawah kemudahan ITIS yang telah sediada.

28. DBKL juga akan menyediakan pelbagai kemudahan untuk keselesaan wargakota seperti kemudahan-kemudahan laluan pejalan kaki berbumbung, tempat-tempat teduhan kepada penunggang-penunggang motorsikal, kemudahan-kemudahan tempat letak kereta di lokasi-lokasi bersesuaian, laluan khas untuk penunggang-penunggang basikal di kawasan-kawasan yang terpilih, kemudahan "noise barrier", pagar-pagar keselamatan dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan yang akan disediakan ini akan mengambilkira konsep mesra orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

29. DBKL juga sedang dalam perancangan menyediakan laluan khas untuk motorsikal di Jalan Loke Yew melalui Jalan Cheras sehingga ke sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Sekiranya cadangan ini

berjaya dilaksanakan, satu kajian menyeluruh akan dibuat oleh DBKL bagi pelaksanaannya di jalan-jalan utama di Kuala Lumpur.

4. MEMPERTINGKAT & MEMBANGUNKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI GERBANG MASUK DESTINASI PELANCONGAN

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

30. Pelancongan merupakan sektor yang memberi pendapatan kedua terbesar kepada negara dan ia memainkan peranan penting kepada ekonomi Kuala Lumpur. Ianya berupaya menyumbang kepada ekonomi Kuala Lumpur dalam aspek peningkatan pendapatan dan peluang-peluang pekerjaan serta memperluaskan peluang-peluang perniagaan.

31. Dalam usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan terunggul di rantau ini, DBKL akan menggunakan sumber-sumber pelancongan yang sediaada yang berpotensi menjadi produk pelancongan.

32. Antaranya sumber-sumber yang telah dikenalpasti oleh DBKL adalah tarikan warisan budaya dari aspek senibina, iaitu dengan mengekalkan beberapa bangunan bersejarah dan kawasan-kawasan yang memaparkan sejarah silamnya; contohnya kawasan Dataran Merdeka dan bangunan sekitarnya seperti bangunan Sultan Abdul Samad dan Kelab DiRaja Selangor. DBKL akan mengintegrasikan potensi produk pelancongan ini dengan lain-lain kawasan yang berpotensi untuk dikunjungi oleh pelancong iaitu dengan melaksanakan rangkaian pejalan kaki bersepadu yang akan menghubungkan Dataran Merdeka ke Masjid India seterusnya melalui Kampung Tradisional Kampung Bharu ke Pasar Chow Kit.

33. Projek ini menelan belanja sebanyak RM50 juta dan peruntukan sejumlah RM1 juta telah disediakan pada tahun 2008 untuk melaksanakan kerja-kerja awalan di Jalan Raja Bot, Pasar Chow Kit.

34. DBKL akan terus berusaha untuk menyelenggarakan premis-premis sediaada yang sering menjadi tumpuan pelancong di bawah kendalian DBKL seperti di Pusat Penjaja Jalan Petaling, Jalan Masjid India dan Ain Arabia di Jalan Berangan. Kerja-kerja pembersihan dan penyenggaraan secara berterusan akan diberi keutamaan. Ini bertujuan untuk memastikan produk pelancongan ini dapat memberi imej yang baik kepada para pelancong.

35. DBKL juga merancang untuk melaksanakan beberapa ikon baru yang dijangka berupaya menarik perhatian pelancong dan peluang-peluang pekerjaan di masa-masa akan datang. Antaranya adalah seperti pembangunan semula tapak Pasar Minggu Kg. Bharu yang akan mempunyai identiti tersendiri, pembangunan semula kawasan penjajaan di sekitar Jalan Haji Taib serta pembangunan semula kawasan penjajaan di Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Muda Musa. Peruntukan bagi tujuan pelaksanaan projek-projek ini adalah dianggarkan berjumlah RM15 juta pada tahun 2008 untuk melaksanakan kerja-kerja awalan projek.

36. Di Kuala Lumpur, tarikan rekreasi juga merupakan salah satu sumber pelancongan seperti Taman Rama-Rama, Taman Burung, Taman Orkid, Taman Tasik Titiwangsa dan sebagainya. Bagi tujuan ini DBKL akan mempertingkatkan kemudahan di Taman Tasik Titiwangsa iaitu dengan menyediakan kemudahan Pavilion berbentuk pentas terapung di mana ia boleh berfungsi sebagai tempat pementasan aktiviti seni dan kebudayaan. Kos bagi tujuan pembinaan Pavilion ini dianggarkan RM3.5 juta. Di samping itu, astaka sediaada di Taman Tasik Titiwangsa juga akan diubahsuai pada tahun 2008 dengan peruntukan berjumlah RM1 juta.

37. Di Taman Tasik Perdana, DBKL pada masa ini sedang mempertingkatkan rekabentuk Panggung Anniversari sediaada dengan kos pengubahsuaianya dianggarkan RM10 juta. Kerja-kerja pengubahsuaian ini sedang dilaksanakan dan dijangka dapat disiapkan pada Oktober 2008.

38. Untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai "Liveable City", DBKL bercadang untuk menambahkan bilangan aktiviti pasar dinihari pada tahun 2008. Pada masa ini hanya terdapat 3 tapak pasar dinihari yang telah beroperasi iaitu di Danau Kota, Setapak, di tempat letak kereta Velodrom, Cheras dan di Sentul Raya, Sentul. Pengujudan aktiviti ini dapat menghidupkan persekitaran malam di samping dapat memberikan peluang-peluang perniagaan kepada generasi muda terutamanya golongan Bumiputera.

39. DBKL akan meneruskan konsep 'Bandaraya Bercahaya' di kawasan-kawasan tertentu seperti di kawasan Segitiga Emas serta di lain-lain kawasan terutama di pusat bandar yang sering menjadi tumpuan pelancong. Ia akan dilaksanakan dengan mempertingkatkan pencahayaannya dengan lampu-lampu hiasan yang mencerminkan ciri-ciri tempatan. Sejumlah RM42 juta telah diperuntukkan bagi tujuan menyediakan kemudahan lampu-lampu hiasan, lampu-lampu jalan dan lampu-lampu di lorong belakang untuk seluruh Kuala Lumpur pada tahun 2008.

40. Dasar untuk menggalakkan pembangunan kediaman dibangunkan sebagai komponen utama di pusat bandar juga adalah diberi perhatian supaya pusat-pusat bandar sentiasa didiami oleh warga kota. Insentif perancangan akan diberi terhadap cadangan pembangunan yang mengandungi komponen pembangunan kediaman di pusat bandar.

41. Di samping itu peranan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan untuk aktiviti membeli-belah, pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan, pusat makanan antarabangsa, pusat kebudayaan, pusat persidangan, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) akan terus diberi penekanan pada tahun 2008.

42. Pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh DBKL adalah bertujuan untuk memartabatkan Kuala Lumpur sebagai destinasi mesra pelancong serta menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya pelancongan yang dinamik dan setaraf dengan bandaraya global seperti New York, Paris atau bandaraya sub-global seperti Singapura dan Sydney.

5. PENYEDIAAN TAMAN-TAMAN REKREASI DAN MEMPERTINGKATKAN PENYEDIAAN KAWASAN HIJAU

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

43. DBKL akan terus membina taman-taman rekreasi, mempertingkat taman-taman rekreasi sediaada dan memperbanyakkan kawasan hijau di Kuala Lumpur.

44. Untuk tahun 2008, DBKL telah memperuntukkan RM95.0 juta untuk melaksanakan pelbagai projek rekreasi termasuk penyediaan taman-taman rekreasi dan penyediaan kawasan-kawasan hijau. Pelaksanaan pelbagai projek rekreasi dan mempertingkatkan penyediaan kawasan hijau ini adalah selaras dengan dasar DBKL menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandar Dalam Taman. Pada tahun 2007, DBKL telah menyiapkan projek taman rekreasi iaitu Taman Pudu Ulu Fasa 1 yang telahpun dibuka kepada orang awam pada awal Disember 2007.

45. Dalam tahun 2008, DBKL akan membina beberapa taman rekreasi antaranya Taman Kejiranan Air Panas dan Taman Rekreasi Pudu Ulu Fasa 2 serta mempertingkatkan kemudahan di taman-taman rekreasi seperti Taman Tasik Permaisuri dan Taman Metropolitan Kepong.

46. Tumpuan untuk mewujudkan rangkaian hijau akan diberi keutamaan oleh DBKL pada tahun 2008. Ini dilaksanakan dengan penanaman pokok-pokok yang mempunyai karakter khusus seperti orientasi, penonjolan gabungan masuk, elemen visual dan mempunyai fungsi teduhan.

47. Sejumlah RM5 juta telah diperuntukkan pada tahun 2008 bagi tujuan penanaman pelbagai spesis pokok yang bersesuaian ciri-ciri berkenaan. Pelaksanaan rangkaian hijau adalah di rezab-rezab kerajaan sediaada seperti di rezab rail, rezab sungai, rezab infrastruktur dan utiliti, taman-taman dan rezab jalan.

48. Penyediaan rangkaian kawasan-kawasan hijau ini dapat mewujudkan keseimbangan yang saksama antara pembangunan fizikal dan ekologi, meningkatkan kehidupan bandar dan mencapai persekitaran bebas dari sebarang bentuk pencemaran udara.

49. DBKL juga akan terus meningkatkan pelbagai kemudahan di taman rekreasi sediaada dengan menyediakan kemudahan seperti taman permainan kanak-kanak, laluan sikal, tempat memancing, riadah, sudut untuk warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Pelbagai fungsi yang disediakan ini bertujuan menjadikan taman-taman rekreasi ini berupaya dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat dari pelbagai peringkat umur.

50. DBKL pada tahun 2008 bersama agensi pusat iaitu Jabatan Landskap Negara merancang untuk melaksanakan Taman Awam Berskala Besar di Bukit Kiara dan Kuala Lumpur City Park di Taman Tasik Perdana. Pelaksanaan

taman-taman ini yang berasaskan konsep taman tropikal lestari bercirikan Malaysia adalah bertujuan untuk menambahkan rezab kawasan hijau di Kuala Lumpur.

51. Penekanan terhadap kawasan-kawasan yang sensitif kepada alam sekitar akan juga diberi perhatian, di mana semua projek pembangunan yang dilaksanakan di kawasan sensitif kepada alam sekitar akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Penilaian Kawasan Sensitif Alam Sekitar WPKL sebelum boleh diputuskan di peringkat di Jawatankuasa Perancangan Bandar (TPC) DBKL.

52. Ini bertujuan untuk memastikan Kuala Lumpur dapat menyediakan persekitaran yang mapan dengan mengekalkan keseimbangan yang saksama antara pembangunan, ekologi dan juga warisan negara. Selaras dengan keperluan Local Agenda 21, penyertaan awam boleh membantu untuk mencapai alam sekitar yang mapan. Bagi tujuan ini, konsep eko-perkongsian yang memberi penekanan kepada usaha dan peranan pelbagai pihak seperti pihak swasta dan organisasi bukan kerajaan untuk sama-sama membantu dalam menjalankan pelbagai aktiviti kesedaran alam sekitar seperti kempen jalan bersih, udara bersih, air bersih dan konsep 3R (*reduce, reuse and, recycle*).

6. MENINGKATKAN TARAF SOSIAL EKONOMI PENJAJA MENJELANG TAHUN 2015

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

53. Bagi mencapai hasrat DBKL iaitu tiada penjajaan tepi jalan menjelang tahun 2015, DBKL akan menyediakan pusat-pusat penjaja yang lebih teratur di kawasan-kawasan yang strategik. Sebanyak RM 29.37 juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Ini dapat memberi peluang kepada penjaja berniaga di premis-premis yang teratur, selesa dan bersih serta dapat meningkatkan imej penjaja-penjaja berkenaan yang merupakan nadi kepada sektor informal di Kuala Lumpur.

54. Pusat-pusat penjaja yang sediaada, DBKL akan terus mempertingkatkan kualiti fizikal premis dan mengambil langkah-langkah supaya dapat menarik lebih ramai pengunjung. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh DBKL adalah dengan mewujudkan pasar-pasar dinikmati di sekeliling pusat penjaja yang bersesuaian, membuat promosi-promosi secara meluas dan mempelbagaikan aktiviti perniagaan di pusat penjaja berkenaan.

55. DBKL juga akan menyediakan ruang-ruang perniagaan kecil/penjaja yang disepadukan dengan kemudahan tempat letak kereta dan kemudahan sukan serta rekreasi seperti pembangunan PT 80 di Jalan Munshi Abdullah dengan peruntukan sebanyak RM5.0 juta pada tahun 2008. Ruang-ruang perniagaan kecil/penjaja ini dapat memberi peluang kepada wargakota yang beminat untuk menceburi bidang perniagaan khususnya kepada para graduan dan generasi muda.

56. Sebagai langkah kawalan dan pengiktirafan terhadap penjaja-penjaja yang sediaada, DBKL akan mengambil langkah untuk menawarkan lesen penjajaan kepada penjaja-penjaja yang menjalankan penjajaan di kawasan-kawasan yang bersesuaian. Sebagai langkah permulaan, DBKL akan mengeluarkan lesen baru kepada 1,000 penjaja menjelang tahun 2008. Ini menunjukkan keperihatinan DBKL terhadap sektor penjajaan yang rata-ratanya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah. DBKL berharap penjaja yang telah diberi lesen dapat menjalankan aktiviti penjajaan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh DBKL. Sebagai makluman pada masa ini terdapat hampir 50,000 penjaja-penjaja yang telah dilesenkan di Kuala Lumpur.

7. MENINGKATKAN AKTIVITI SOSIAL DIKALANGAN WARGA KOTA

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

57. Peranan DBKL bukan hanya menumpukan kepada pembangunan fizikal semata-mata, DBKL juga berperanan di dalam mempertingkatkan pembangunan masyarakat untuk warganya. Masyarakat yang sejahtera merupakan jaminan untuk memastikan Kuala Lumpur berdaya saing dan berdaya maju. DBKL telah memperuntukkan sejumlah RM34.41 juta bagi membolehkan warga kota menjalankan pelbagai aktiviti sosial dan kebudayaan pada tahun 2008.

58. Peruntukan yang disediakan ini adalah sebagai usaha DBKL untuk menangani permasalahan sosial seperti masalah lepak, dadah, vandalisme dan jenayah. Tumpuan akan diberikan kepada kawasan-kawasan kediaman

khususnya perumahan awam dan PPR. Aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan termasuklah aktiviti sukan, kebudayaan, kesenian, kegiatan riadah dan sebagainya.

59. Di samping itu juga, DBKL menjalankan program NADI dengan mengadakan kelas-kelas bimbingan dan tuisyen kepada pelajar-pelajar sekolah untuk tingkatan 3 dan 5 yang akan menduduki peperiksaan. Guru-guru yang terlatih dan mempunyai pengalaman di sekolah-sekolah yang berhampiran dengan kawasan kediaman ditugaskan untuk memikul tanggungjawab ini. Peruntukan yang disediakan bagi melaksana program ini adalah RM4.6 juta untuk tahun 2008.

60. Persatuan-persatuan penduduk di Kuala Lumpur terutama di kawasan perumahan awam dan PPR juga digalakkan untuk mengadakan program-program berbentuk sosial untuk para remaja bagi melibatkan diri di dalam aktiviti berpersatuan. Dengan cara ini, para remaja akan terlibat dalam menjalankan kerja-kerja persatuan dan dapat mengelakkan diri dari terjebak dalam aktiviti kurang sihat. Bagi tujuan membantu persatuan-persatuan ini menjalankan pelbagai aktiviti sosial, DBKL telah memperuntukkan RM1.5 juta sebagai geran tahunan kepada persatuan-persatuan yang berdaftar dan bergerak aktif di Kuala Lumpur.

61. DBKL juga akan terus menjalankan pelbagai aktiviti sosial yang pernah dilaksanakan pada tahun 2007 yang mana ianya mendapat maklumbalas positif daripada masyarakat. Antaranya adalah seperti mengadakan Program Gerak Tumpuan di kawasan perumahan awam di Jalan San Peng, mengadakan program COMBI bagi tujuan mengurangkan masalah denggi dan Program Kehidupan Murni yang dilaksanakan untuk mendidik penghuni cara kehidupan di kawasan PPR.

8. KEHIDUPAN YANG SELESA DI PERUMAHAN AWAM DAN PPR DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

62. DBKL akan menerima sepenuhnya rumah PPR MTEN yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu sejumlah 32,762 unit pada awal tahun 2008. Dengan penerimaan kesemua unit PPR MTEN ini, baki setinggalan yang masih berada di Kuala Lumpur dianggarkan sejumlah 10,000 keluarga akan dapat ditempatkan sepenuhnya di rumah PPR MTEN. Oleh yang demikian DBKL dijangka dapat mencapai Kuala Lumpur Sifar Setinggalan pada tahun 2008.

63. Dengan mengambil kira sejumlah 32,762 unit PPR MTEN yang akan diserahkan kepada DBKL, ini bermakna DBKL akan menyelenggarakan sejumlah dianggarkan 60,000 unit rumah PPR MTEN dan rumah awam DBKL pada tahun 2008.

64. Untuk kawasan perumahan PPR MTEN, DBKL akan mempertingkatkan penyediaan kemudahan-kemudahan masyarakat di setiap kawasan PPR. Ini termasuk penyediaan kemudahan pusat komuniti bersepadu yang mengandungi komponen seperti dewan, tadika, surau, pusat penjaja, taman permainan kanak-kanak dan tempat letak kereta. Bagi tujuan penyediaan kemudahan ini, DBKL telah memperuntukkan sejumlah RM12.8 juta pada tahun 2008.

65. Pada masa ini kemudahan yang telah disiapkan pada tahun 2007 adalah pusat penjaja di PPR Sri Pantai. Manakala penyediaan pelbagai kemudahan di tiga lokasi PPR iaitu di PPR Cochrane, PPR Pekan Batu dan PPR Taman Wahyu masih lagi dalam peringkat pembinaan yang mana dijangka dapat disiapkan secara berperingkat pada tahun 2008.

66. Untuk perumahan awam DBKL, kerja-kerja penyelenggaraan akan ditingkat dan dilaksanakan secara berterusan. Sejumlah RM 48 juta telah diperuntukkan pada tahun 2008 untuk kerja-kerja penyelenggaraan seperti mengecat semula bangunan, menukar lif, kerja-kerja pendawaian dan kerja-kerja penyelenggaraan paip.

9. PENYEDIAAN KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN BAGI MEMPERTINGKATKAN KUALITI HIDUP WARGA KOTA

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

67. Bagi tujuan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan wargakota, DBKL akan terus melaksanakan pelbagai projek kemudahan awam dan masyarakat seperti menyediakan dan mempertingkatkan pusat-pusat komuniti, institusi-institusi keagamaan, kemudahan-kemudahan sukan dan penyediaan kemudahan krematorium.

68. Pusat-pusat komuniti yang akan disediakan adalah seperti di kawasan Kg Batu Muda, Taman Segar, Taman Danau Desa dan Taman Midah. Jumlah peruntukan yang disediakan pada tahun 2008 adalah RM3.5 juta. Pada tahun 2007, DBKL telah dapat menyiapkan dua pusat komuniti iaitu di Taman Manjalara dan di Bukit Kerinchi yang telahpun digunakan oleh orang ramai. Manakala pusat komuniti di Taman Koperasi Polis, Bukit Damansara dan Pusat Komersial Komuniti di Bandar Baru Sentul dijangka akan disiapkan pada tahun 2008.

69. Bagi tujuan membina dan menyiapkan beberapa kemudahan untuk institusi keagamaan, DBKL telah memperuntukkan sejumlah RM6.16 juta pada tahun 2008. Ini bertujuan untuk melaksanakan 1 projek baru dan menyiapkan 2 projek yang masih dalam pembinaan. Projek dalam pembinaan iaitu Masjid Wangsa Maju dan Surau Al-Ikhlas, Bandar Tun Razak akan diserahkan kepada DBKL pada tahun 2008.

70. Untuk kemudahan orang yang bukan beragama Islam, DBKL akan membina kemudahan krematorium di Cheras pada tahun 2008. Sejumlah 8 kremator akan disediakan di kompleks krematorium di Cheras iaitu sebagai tambahan 6 kremator yang sedia ada. Kos pembinaan krematorium ini adalah dianggarkan RM7 juta. Dengan siapnya kemudahan krematorium ini, pembakaran mayat secara terbuka tidak akan dibenarkan kerana ianya memberi impak kepada alam sekitar dan sering mendapat bantahan daripada penduduk sekitarnya.

71. DBKL akan melaksanakan sebuah kompleks sukan bersepadu yang dikenali sebagai Kompleks Intergrasi Sukan Air Panas. Kompleks ini akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sukan seperti stadium yang mempunyai kapasiti 20,000 orang, dewan sukan serbaguna, kompleks kolam renang dan apartment untuk para atlet. Kompleks ini disediakan bertujuan untuk memberi kemudahan sukan kepada warga kota khususnya di sekitar Wangsa Maju dan Setiawangsa. Anggaran kos pelaksanaan projek ini adalah RM65 juta dan projek ini dijangka akan dapat disiapkan dalam tempoh 4 tahun.

10. KERJASAMA ANTARA PELBAGAI AGENSI KERAJAAN DALAM MEMBANGUNKAN KUALA LUMPUR

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

72. DBKL akan bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan untuk membangunkan Kuala Lumpur. DBKL akan bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur. DBKL akan membantu Kementerian Pengangkutan untuk melaksanakan projek terminal pengangkutan bersepadu di Bandar Tasik Selatan dan pelaksanaan projek *double tracking* KTM yang menghubungkan antara Sentul ke Batu Caves.

73. Bagi tujuan penyediaan lebih banyak rumah PPR, DBKL akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di samping itu, DBKL juga akan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mencari jalan penyelesaian penempatan semula sekolah-sekolah yang terdapat di dalam kawasan bandar ke lokasi-lokasi lain yang bersesuaian yang mana sekolah-sekolah ini tidak sesuai dengan *trend* pembangunan sekitarnya.

74. DBKL telah bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi penubuhan kolej komuniti di Kuala Lumpur. Penubuhan kolej komuniti ini adalah untuk memberi peluang kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyambung pelajaran dalam bidang kemahiran dan teknikal dengan syarat kemasukan yang minimum. Kementerian Pengajian Tinggi telah bersetuju untuk penubuhan 2 kolej komuniti di Kuala Lumpur pada tahun 2008.

75. Kerajaan melalui Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan akan mengambil alih peranan dan tanggungjawab pelupusan sampah daripada peringkat pengutipan sampah di lapangan sehinggalah ke tapak pelupusan sampah. Jumlah sampah yang dipungut di Kuala Lumpur secara keseluruhannya adalah berjumlah 3,000 tan sehari dan DBKL telah membelanjakan sejumlah RM145 juta setahun bagi melaksanakan aktiviti berkenaan. Oleh kerana DBKL mempunyai pengalaman luas dari segi proses pengutipan dan pelupusan sampah ini, DBKL akan memberi kerjasama kepada pihak Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan supaya permasalahan pengutipan sampah yang sering menjadi cabaran Pihak Berkuasa Tempatan akan dapat dikendalikan dengan lebih baik oleh Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan.

11. PERLAKSANAAN DASAR PENSWASTAAN NEGARA DALAM PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN USANG

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

76. Selaras dengan Dasar Penswastaaan Negara, kerjasama dengan pihak swasta akan diteruskan untuk membangunkan Kuala Lumpur. Ia akan dilaksanakan melalui pendekatan penswastaaan dan usahasama berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan melalui Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

77. Projek-projek yang dilaksana akan dipastikan dapat memberikan keuntungan dan faedah bukan sahaja kepada pihak pemaju tetapi juga kepada pihak kerajaan, DBKL dan orang ramai. Pada masa ini, tumpuan bagi pelaksanaan dasar ini adalah di kawasan usang yang berpotensi dibangunkan melalui program pembangunan semula bandar. Antara kawasan-kawasan yang akan dibangunkan pada tahun 2008 adalah seperti pembangunan semula di atas Lot 9714 Jinjang Selatan, pembangunan semula perumahan awam Razak Mansion, pembangunan semula perumahan awam di sekitar Batu 3½, Jalan Cheras dan projek pembangunan semula Flat Pekeliling (Projek Taman Sari) di Jalan Tun Razak.

12. PENYEDIAAN PERUMAHAN MAMPU MILIK KEPADA KAKITANGAN AWAM DAN WARGA KOTA

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

78. DBKL telah mengambil langkah proaktif dalam memberi kemudahan untuk memiliki rumah kediaman sendiri kepada kakitangan awam. Satu tapak telah dikenal pasti di PT7 dan PT8, Sek. 98, Jalan Pantai Dalam (Kg. Limau). Bagi tujuan ini, sejumlah RM8.0 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan tersebut.

79. Selain dari itu dua (2) tapak perumahan iaitu di Lot 193, Jalan Kolam Air dan Lot 101, Jalan Jelatek telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai perumahan yang akan dijual kepada kakitangan awam dan orang ramai. Peruntukan sebanyak RM16.0 juta telah disediakan bagi tujuan pelaksanaan projek ini pada tahun 2008.

80. DBKL juga telah memperuntukkan sejumlah RM300 ribu bagi tujuan untuk menyediakan konsep rekabentuk untuk membangunkan Kg. Wira Jaya, Wangsa Maju sebagai perumahan PPR. Penyediaan perumahan mampu milik ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada golongan warga kota dan kakitangan awam yang berpendapatan rendah dan golongan pertengahan untuk memiliki rumah sendiri di Kuala Lumpur.

13. MEMPERTINGKATKAN SISTEM PENTADBIRAN DAN KUALITI PERKHIDMATAN DBKL

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

81. Bagi tujuan mempertingkatkan produktiviti dan perkhidmatan kepada wargakota, DBKL telahpun membeli bangunan Wisma PKNS, Jalan Raja Laut pada tahun 2007. DBKL akan mempertingkatkan imej bangunan berkenaan dengan menyediakan peruntukan pengubahsuaian sejumlah RM1 juta pada tahun 2008. Bangunan ini akan menempatkan beberapa jabatan yang pada masa ini menyewa di bangunan-bangunan milik swasta dan juga jabatan-jabatan yang mengalami ruang pejabat yang tidak selesa. Untuk perancangan jangka panjang, DBKL bercadang untuk membangunkan Lot 38 Jalan Pinang sebagai ibu pejabat baru DBKL. Tujuannya adalah untuk membolehkan organisasi DBKL ditempatkan di dalam satu bangunan bagi memberi kemudahan orang ramai supaya mudah berurusan dengan DBKL pada masa hadapan.

82. Hasrat DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Bertaraf Dunia pada tahun 2020 dapat direalisasikan dengan penyediaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020. Pelan ini dijangka dapat disiapkan dan diwartakan pada akhir tahun 2008. Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020 disediakan bagi menterjemahkan polisi-polisi dan strategi-strategi yang telah digariskan melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020. DBKL berharap dengan adanya Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020, arah tuju pembangunan Kuala Lumpur akan lebih terancang. Bagi tujuan pelaksanaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020, dicadangkan DBKL menyediakan Pelan Tindakan

Strategik untuk melaksanakan perancangan-perancangan yang telah digariskan di dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020.

83. DBKL telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk memudahkan warga kota berurusan dengan DBKL. Kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah seperti pusat khidmat setempat di mana orang ramai tidak perlu lagi merujuk kepada jabatan-jabatan yang berkenaan dengan tujuan mendapatkan khidmat DBKL.

84. Di samping itu, DBKL juga telah mempertingkatkan kemudahan ICT terutama kepada perkhidmatan yang mempunyai hubungan secara langsung dengan orang ramai. Antara kemudahan ICT yang disediakan adalah e-lesen, e-perumahan, e-perolehan dan e-aduan.

85. Bagi tujuan mempertingkatkan proses kelulusan pembangunan, DBKL telah mewujudkan *one stop center* di mana ulasan dan kelulusan perancangan akan diberi secara segera dan serentak. Di samping itu, semua permohonan pembangunan perlu diberi pertimbangan dalam tempoh 4 bulan iaitu bermula daripada tarikh permohonan diterima sehinggalah ke peringkat kelulusan pelan bangunan. Peranan DBKL juga akan diperkemas selaras dengan tanggungjawab pengeluaran sijil kelayakan menduduki (Certificate of Fitness) yang telah diserahkan tanggungjawabnya kepada arkitek perunding yang mana sijil ini dikenali sebagai Certificate of Completion Compliance (CCC).

86. DBKL juga mengambil langkah untuk melatih pegawai dan kakitangannya supaya mereka sentiasa menjadi kakitangan yang berdedikasi, berilmu serta berintegriti tinggi. Ini adalah penting untuk membolehkan warga DBKL memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada organisasi dan warga kota. Bagi tujuan ini, DBKL akan membina sebuah pusat latihan untuk kakitangan di Bandar Tun Razak, Cheras dengan kos yang diperuntukkan bagi kerja-kerja pembinaan adalah RM 10 juta.

87. Di samping itu DBKL sentiasa meningkatkan kemahiran kaunseling kepada pegawai-pegawainya melalui kursus dan program-program kaunseling contohnya Kursus Bimbingan Rakan Sekerja. Ia dilaksanakan sebagai langkah untuk DBKL memberi motivasi dan bimbingan kepada kakitangannya. Program-program ini adalah hasil kerjasama yang telah dimeterikan antara DBKL dan Universiti Utara Malaysia.

88. Selaras dengan peranan dan tanggungjawab DBKL yang semakin kompleks, DBKL dalam proses untuk melaksanakan penstrukturan semula organisasinya. Penstrukturan semula ini bertujuan mewujudkan sebuah organisasi DBKL yang berupaya menahkud cabaran kerajaan untuk menjadi sebuah PBT yang cemerlang serta bersesuaian dengan dasar penggredan PBT yang diumumkan oleh kerajaan. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mewujudkan organisasi yang mampu untuk menzahirkan Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang berteraskan konsep MANTAP.

89. Sesuai dengan saranan Ketua Setiausaha Negara untuk memperbaiki sistem penyampaian maklumat, DBKL pada tahun 2008 bercadang untuk membuat kajian pelaksanaan Projek Inovasi Khidmat Awam (PIKA). Projek ini adalah merupakan projek untuk menjenamakan semula (re-branding) Kuala Lumpur supaya ia mempunyai keunikan tersendiri berbanding dengan bandaraya-bandaraya lain di dunia. Kajian perlu dibuat yang meliputi dari segenap aspek antaranya adalah seperti fungsi organisasi, modal insan, trend dan imej pembangunan, sistem pentadbiran dan pengurusannya.

90. Bagi tujuan untuk memperkemas pengurusan dan penyelenggaraan hartanah kediaman bertingkat yang melibatkan pemberian hak milik strata, DBKL telah mewujudkan Pesuruhjaya Bangunan di mana DBKL akan berperanan memantau kerja-kerja penyelenggaraan ke atas bangunan-bangunan yang mempunyai hak milik strata.

91. Walaupun DBKL telah bercadang untuk memperuntukkan sejumlah RM2.458 bilion di dalam Bajet 2008, sebagai langkah berjimat DBKL tetap mengamalkan perbelanjaan berhemah dan mengikut peraturan yang digunapakai.

92. DBKL telah membuat kajian semula terhadap penilaian hartanah di Kuala Lumpur yang hanya pernah dibuat pada tahun 1991.

93. Sementara itu, langkah-langkah mengenakan kadar denda yang maksimum terhadap pelbagai kesalahan yang melanggar peraturan dan undang-undang telah mula dilaksanakan. Ini bertujuan untuk mendidik wargakota supaya mematuhi peraturan di samping untuk melahirkan wargakota berdisiplin.

14. PENUTUP

Y.Bhg. Datuk, Tuan-Tuan & Puan-Puan,

94. Untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang disegani di rantau ini dan juga di peringkat antarabangsa, tanggungjawab untuk membangunkannya merupakan satu tanggungjawab bersama semua pihak yang saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. DBKL sebagai sebuah organisasi yang berperanan sebagai perencana, penggerak, pemudahcara dan pembimbing kepada semua pihak yang terlibat supaya mempunyai wawasan serta arah-tuju yang serupa.

95. Bajet 2008 yang telah dibentangkan ini telah mengambilkira peranan DBKL untuk memenuhi harapan semua pihak. Oleh itu, diharapkan pelbagai projek yang telah diperuntukkan untuk dilaksanakan melalui Bajet 2008 dapat direalisasikan bagi memenuhi aspirasi tersebut. Di samping itu, ia boleh dijadikan pemangkin pembangunan Kuala Lumpur untuk tahun 2008 dan tahun-tahun yang akan datang.

96. Saya ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk pihak kerajaan, pihak swasta, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan dan warga kota yang telah sama-sama berusaha untuk membangunkan Kuala Lumpur. Dalam kesempatan ini, rakaman terima kasih juga kepada pihak media yang prihatin dalam memberi maklumbalas positif kepada DBKL terhadap pelbagai cabaran dan masalah yang sering dihadapi oleh warga kota. Kerjasama ini sangatlah dihargai dan diharapkan dapat diterus serta ditingkatkan lagi di masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.